



Good food, Good life

KYOCHON

## Siaran Berita

Petaling Jaya, Mac 10, 2021

### **Nestlé Berganding Bahu dengan KyoChon untuk Lancarkan Menu Tanpa Daging Pertama**

*Pelancaran pertama rangkaian makanan berasaskan tumbuhan Harvest Gourmet untuk pelanggan*

Nestlé Malaysia kini secara rasmi menceburi segmen makanan berasaskan tumbuhan yang sedang pantas berkembang dalam sektor di Luar Rumah menerusi kerjasama dengan KyoChon, dengan melancarkan menu tanpa daging serba baharu dalam rangkaian sajian berasaskan tumbuhan Harvest Gourmet! Dalam usaha memenuhi cita rasa kumpulan pelanggan yang lebih luas, menu tanpa daging baharu daripada KyoChon merupakan sajian khusus buat golongan yang mahu mengurangkan pengambilan daging, sambil terus menikmati kelazatan rasa Ayam Goreng Korea Paling Lazat di Malaysia.

'Daging' berasaskan tumbuhan ini mengandungi *schnitzel* tanpa daging Harvest Gourmet dengan rasa seperti ayam sebenar, yang diperbuat sepenuhnya daripada tumbuhan seperti gandum, ubi bit merah dan soya bukan GMO, serta kaya dengan protein dan merupakan sumber serat yang baik.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad berkata, "Terdapat permintaan yang semakin meningkat bagi makanan berasaskan tumbuhan. Kini, semakin ramai yang membuat pilihan makanan lebih sihat yang juga mesra alam. Memandangkan ramai rakyat Malaysia mahu mengurangkan pengambilan daging, perniagaan NESTLÉ PROFESSIONAL kami teruja untuk berganding bahu bersama KyoChon buat pertama kalinya memperkenalkan produk daging berasaskan tumbuhan buatan Malaysia di bawah rangkaian produk Harvest Gourmet. Produk Harvest Gourmet akan dibekalkan kepada lebih banyak kedai makanan tidak lama lagi. Nantikan perkembangan terkini daripada kami!"

"Sajian berasaskan tumbuhan kini mengubah pandangan orang ramai tentang pengambilan makanan dan juga cara menikmati makanan. Kami meluaskan penyelesaian berasaskan tumbuhan kami untuk memenuhi segmen yang pantas berkembang dalam saluran di luar rumah dan dalam rumah. Dengan menambah penyelesaian berasaskan tumbuhan tanpa daging dalam portfolio produk, kami menyediakan cara yang lebih cekap dan lestari untuk menghasilkan makanan untuk membantu mengurangkan penggunaan sumber asli, sambil menyediakan kandungan khasiat yang tinggi buat pengguna," tambah En. Aranols.

Terry Goh, Pengarah Urusan KyoChon Malaysia berkata, "Walaupun kami memang terkenal dengan sajian ayam goreng Korea yang serba mewah, menu tanpa daging

baharu kami bertujuan untuk memenuhi keperluan diet moden; semakin ramai penjamu selera Malaysia yang membuat keputusan mengurangkan pengambilan daging mereka atas sebab kesihatan, kerohanian atau sebab sosial. Kami berbesar hati untuk berganding bahu dengan Nestlé Professional dan menyediakan produk Harvest Gourmet dalam tawaran menu kami supaya pelanggan mempunyai pilihan lebih luas untuk menikmati cita rasa istimewa KyoChon bersama rakan-rakan dan keluarga mereka, sama ada ayam sebenar, atau alternatif tanpa daging yang lazat ini, dengan rasa yang sama.”

Pilihan sajian berasaskan tumbuhan\* baharu KyoChon, yang boleh didapati sejak Februari 2021, termasuk Balutan Tanpa Daging KyoChon (*schnitzel* ayam tanpa daging, salad segar, keju dan sos KyoChon yang dibalut dalam roti tortila gandum) dan *Bibimbap* Tanpa Daging KyoChon (*schnitzel* ayam tanpa daging, sayur campur, cendawan, rumpai laut, empingan bawang putih dan telur goreng yang ditabur hias di atas nasi beras pendek) dalam dua perisa: bawang putih soya istimewa atau lada merah (pedas) KyoChon. Balutan Tanpa Daging KyoChon dijual pada harga daripada RM21.00 (kombo bersama baji kentang dan minuman RM26.00) manakala *Bibimbap* Tanpa Daging berharga RM25.00. Kedua-dua sajian menyelerakan ini boleh didapati di semua cawangan KyoChon di seluruh negara.

Untuk membuat pesanan, kunjungi cawangan KyoChon atau layari laman web rasmi <https://www.KyoChon.com.my/> atau gunakan kaedah penghantaran eksklusif menerusi GrabFood.

Rakan-rakan perkhidmatan dalam sektor di Luar Rumah yang berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang rangkaian Harvest Gourmet keluaran Nestlé boleh menghubungi Nestlé Professional menerusi Talian Perkhidmatan Pelanggan di 1-300-88-3433 atau hantarkan e-mel ke alamat yang disediakan di bawah.

**\*Penafian:** Menu tanpa daging KyoChon adalah bukan untuk pemakan sayur tegar dan vegan iaitu mereka yang tidak mengambil makanan berasaskan haiwan kerana *schnitzel* tanpa daging mengandungi telur sebagai salah satu ramuan, dan dimasak dalam minyak yang sama yang digunakan untuk memasak ayam.

### **Tentang KyoChon**

KyoChon diiktiraf sebagai jenama *Korea Fried Chicken* terkemuka di Korea Selatan. Semenjak penubuhan pada tahun 1991, jenama ini terkenal dengan ayam goreng segar, disadur dengan sos unik yang dihasilkan dari bahan semula jadi tanpa bahan pengawet atau tiruan.

Seiring pelancaran produk dan pilihan menu baharunya, jenama ini masih terus berpegang pada janjinya iaitu:

- i) hanya menggunakan bahan-bahan terbaik
- ii) menyokong dan mendorong ke arah gaya hidup sihat pelanggan
- iii) memastikan kesempurnaan pada setiap ayam goreng

KyoChon memiliki lebih dari 1,400 kedai di seluruh dunia: Korea Selatan, Malaysia, Amerika Syarikat, China, Indonesia, Filipina, dan Thailand. Lawati <https://www.facebook.com/KyoChonMalaysia> untuk mengetahui lebih lanjut mengenai KyoChon.

### **Tentang Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan ibu pejabat yang terletak di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 buah negara di seluruh dunia dan kesemua pekerja kami seramai lebih 270,000 orang komited dalam membantu mencapai tujuan Nestlé untuk merungkai kuasa makanan demi meningkatkan kualiti kehidupan bagi semua, pada hari ini dan untuk generasi akan datang. Matlamat kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak tahun 1912, Nestlé dipercayai oleh para pengguna kami menerusi jenama-jenama dan produk kami yang berkualiti. Kami komited dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di mana saja kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal. Ini selaras dengan janji kami dalam memberikan "GOOD FOOD, GOOD LIFE" kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana kami telah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat selama lebih satu abad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Maxine Lim**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6650  
Mobile: +6012 353 1337  
E-mail: [Maxine.Lim@my.nestle.com](mailto:Maxine.Lim@my.nestle.com)

**Alya Nurina or Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348  
Mobile: +6010-221 8216 (Alya) atau  
+6017-237 9048 (Yasmin)  
E-mail: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)